

20/11/1997

Kekuatan Apec perlu dinilai semula

FORUM Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada Isnin dan Selasa ini adalah yang kelima selepas dimulakan di Seattle, Amerika Syarikat pada 1993. Mesyuarat dua hari peringkat pegawai kanan (Som) bermula semalam dan akan disusuli mesyuarat peringkat menteri Jumaat dan Sabtu ini. Apec dianggotai Amerika Syarikat, Australia, Brunei, Chile, China, Filipina, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Kanada, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Singapura, Taiwan dan Thailand. Walaupun ditubuhkan sebagai gagasan yang longgar, perkembangan Apec sejak Seattle sudah menunjukkan hasil dalam menggalakkan ekonomi terbuka dan liberalisasi ekonomi.

Seperti Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta), Apec diasaskan berikutan kebimbangan terhadap hala tuju blok perdagangan Kesatuan Eropah (EU) ke arah 'tembok Eropah' yang akan menghalang perdagangan bebas dunia luar dengan Eropah. Bagaimanapun, kebimbangan ini tidak meleset walaupun dengan berakhirnya Pusungan Uruguay yang merencana perjanjian perdagangan pelbagai hala berkuatkuasa pada 1 Januari 1995. Kita khuatir akan kemungkinan menghadapi cubaan negara tertentu untuk mensabotaj eksport barangan buatan Malaysia seperti yang diutarakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Perdana Menteri yakin ada negara asing, yang cemburu dengan kejayaan Malaysia, akan cuba menyekat kemasukan barangan Malaysia semata-mata untuk menjatuhkan ekonominya. Kita khuatir produk industri berat seperti kereta, van dan trak nasional akan dihalang memasuki pasaran mereka.

Kita mengalu-alukan kemajuan yang dicapai oleh Apec kerana struktur gagasan ini berkembang melalui proses dan bukan menerusi struktur ketat. Pertembungan antara kecenderungan Amerika mengenakan jadual ketat dalam melonggarkan tarif dengan kecenderungan Asia supaya mekanisme perdagangan fleksibel bagi negara membangun sudah dapat diimbangi.

Mengimbas kembali, di Seattle, pemimpin negara anggota bertekad mewujudkan satu 'komuniti ekonomi Asia Pasifik'. Setahun selepas itu, di Bogor, Indonesia, pemimpin negara anggota Apec mengisytiharkan komitmen untuk mencapai perdagangan bebas dan terbuka menjelang 2010 bagi negara maju dan 2020 bagi negara membangun. Osaka, Jepun pula memberi definisi kepada agenda tindakan Apec, manakala di Teluk Subic, Filipina, pemimpin Apec mengumumkan Pelan Tindakan Individu (IAP) dan menggerakkan pelaksanaan pelan berkenaan bermula pada 1 Januari tahun ini.

Mesyuarat kali ini dilabel sebagai sidang puncak kewangan berikutan forum Apec diadakan ketika beberapa negara anggota menghadapi masalah kewangan dan krisis mata wang. Kemelut itu yang bermula di Thailand pada Jun menular ke Filipina, Malaysia dan Singapura dipercayai angkara spekulator mata wang. Dr Mahathir akan mengetengahkan cadangan supaya diperkenalkan peraturan bagi mengawal kegiatan spekulasi dan manipulasi di pasaran mata wang. Ia perlu diwujudkan dalam perdagangan mata wang supaya tidak timbul keadaan kacau-bilau seperti yang melanda beberapa negara di Asia Tenggara. Walaupun dikecam hebat oleh dunia dan media Barat, saranan Dr Mahathir akhirnya mendapat sokongan negara anggota Kumpulan G-15 dan Presiden Jacques Chirac dari Perancis yang melawat negara ini baru-baru ini menyatakan apabila seseorang dapat meningkatkan modal 20 kali ganda melalui perbuatan manipulasi ia perlu disiasat oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Forum Vancouver juga akan mengetengahkan istilah baru iaitu Pembukaan

Awal Sektor Tertentu Secara Sukarela (EVSL) yang bermakna setiap anggota Apec akan mengemukakan cadangan masing-masing untuk membuka lebih awal dan secara sukarela pasaran sektor tertentu di negara mereka. Sebanyak 40 cadangan sudah diterima oleh negara anggota untuk dikemukakan. Kita berharap konsesi sukarela ini yang mungkin diumumkan beberapa negara mampu mempercepat proses pembukaan pasaran di negara anggota Apec, khususnya dan dunia amnya.

Kita berharap Apec dapat menilai semula kekuatan dan kelemahannya sambil menggarap cabaran dan peluang dalam perdagangan antarabangsa. Semoga Apec tidak memperkecilkan perbezaan tahap kemajuan dan pembangunan negara anggota yang kebanyakannya masih di lekuk pembelajaran. Semoga rangkaian di kalangan negara anggota mengimbangi pergantungan ekonomi sesama mereka dan autonomi politik masing-masing.

(END)